

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	12 January 2016

## Mahkamah nasihat Najib, Liong Sik jalani proses mediasi

**KUALA LUMPUR 11 Jan.** - Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tun Dr. Ling Liong Sik dinasihatkan supaya menjalani proses mediasi untuk melihat sama ada terdapat sebarang kemungkinan saman yang difailkan oleh Perdana Menteri terhadap bekas presiden MCA itu, boleh diselesaikan secara baik.

Saman itu difailkan oleh Najib pada 27 Oktober tahun lalu ekoran kenyataan bekas Menteri Pengangkutan itu dalam portal berita *The Malay Mail* bertajuk 'MCA's Liong Sik joins call for Najib's ouster for allegedly putting people's money in his own pocket'.

Artikel tersebut menuduh Najib menyalahgunakan dana syarikat pelaburan kerajaan, 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) bagi tujuan peribadi.

Peguam Datuk Mohd. Hafarizam Harun yang mewakili Najib memaklumkan perkembangan saman itu kepada pemberita selepas menghadiri pengurusan kes di hadapan Hakim Datuk John Louis O'Hara di kamar hakim di Mahkamah Tinggi di sini hari ini.

Menurut beliau, kedua-dua pihak yang terlibat dalam saman itu bersetuju dengan cadangan Hakim O'Hara supaya kes itu dirujuk ke-

Uu - 12/1/2016  
pada perantara di pusat mediasi.

Mohd. Hafarizam berkata, pihaknya akan mendapatkan arahan terlebih dahulu daripada Najib sama ada mahu memfailkan permohonan interlokutori (sampingan) misalnya untuk membatalkan pernyataan pembelaan Liong Sik ataupun permohonan supaya perkataan yang didakwa berbaur fitnah ditafsirkan tanpa melalui perbicaraan.

Pihaknya juga ujar peguam itu, akan memfailkan jawapan kepada pernyataan pembelaan Liong Sik, esok dan pihaknya mempunyai masa selama 14 hari untuk mem-

failkan permohonan bagi membatalkan pernyataan pembelaan Liong Sik.

Hakim O'Hara sehubungan itu menetapkan 18 Februari ini bagi pengurusan kes untuk mengetahui status proses mediasi yang tarikhnya akan ditentukan kemudian.

Najib selaku pihak plaintif menyatakan, Liong Sik telah secara palsu dan berniat jahat mengeluarkan kenyataan berbaur fitnah terhadapnya semasa menghadiri satu upacara di sebuah kolej universiti di sini, yang disiarkan dalam portal berita itu pada 3 Oktober tahun lalu.